

KEMPEN JANGKA PENDEK AKAUN BERJANGKA TETAP-i (FTA-i) :
“WANG BESAR!3 – B1M” DAN “WANG BESAR!3 – A1M”

TERMA & SYARAT

Tempoh Kempen

1. Bank Muamalat Malaysia Berhad (“Bank Muamalat”) sedang menganjurkan kempen Jangka Pendek FTA-i (Kempen) untuk pelanggan Individu dan Bukan Individu Bank (Pelanggan) dikenali dengan nama “*Wang Besar!3 –B1M (“WB3 –B1M”)*” dan “*Wang Besar!3 –A1M (“WB3 –A1M”)*”.
2. Kempen ini adalah untuk tempoh selama 3 bulan bermula dari 15 Mei 2016 sehingga 14 Ogos 2016.

Kelayakan

3. Tertakluk kepada Terma & Syarat, kempen ini dibuka kepada semua pelanggan Individu dan Bukan Individu Bank Muamalat. Kakitangan Bank Muamalat adalah juga layak untuk menyertai tanpa diskriminasi.
4. *Kempen ini mengandungi dua (2) kategori. **WB3 -B1M** adalah untuk pelanggan (Individu, IKS, Korporat) dengan penyimpanan dibawah **RM1,000,000.00 (Satu Juta Ringgit Sahaja)**. **WB3 -A1M** adalah untuk pelanggan (Individu, IKS, Korporat) dengan penyimpanan sebanyak **RM1,000,000.00 (Satu Juta Ringgit Sahaja)** keatas di dalam satu sijil.*
5. Jumlah penyimpanan minima bagi pelanggan Individu adalah sebanyak **RM3,000.00 (Tiga Ribu Ringgit Sahaja)** dan **RM10,000.00 (Sepuluh Ribu Ringgit Sahaja)** bagi pelanggan Bukan Individu.
6. Kadar keuntungan promosi yang ditawarkan menghendaki pelanggan untuk mengekalkan peletakan di dalam FTA-i bertempoh 3 bulan sehingga matang dari permulaan tarikh simpanan Pelanggan.
7. Pelanggan boleh membuat pilihan untuk membaharui secara automatik peletakan mereka setelah tamat tempoh matang tertakluk kepada kadar lazim.
8. Kempen ini menawarkan kadar promosi untuk peletakan FTA-i bertempoh 3 bulan seperti berikut:

Kategori	Peletakan / Deposit (RM)	Kadar Promosi
WB3 -B1M	< 1 mil	3.98% setahun
WB3 -A1M	≥1 mil	4.01% setahun

* Untuk ilustrasi sahaja. Kadar lazim pada 1 April 2016 digunakan untuk menunjukkan perbezaan diantara kadar lazim dan kadar promosi. Untuk mendapatkan kadar lazim terkini, sila lawati www.muamalat.com.my

9. Untuk kelayakan penyertaan didalam kempen ini, Pelanggan hendaklah memenuhi kriteria-kriteria berikut:
 - a. Dana baharu sahaja. Pelanggan yang membuat pengeluaran pra-matang dari mana-mana tempoh peletakan untuk menyertai kempen ini adalah tidak dibenarkan. Pelanggan yang telah tamat tempoh peletakan di dalam mana-mana tempoh tanpa memberikan sebarang arahan untuk pembaharuan adalah layak.
 - b. Pelanggan mestilah memenuhi tempoh peletakan untuk mendapatkan kedua-dua kadar promosi seperti yang dijelaskan di Para 8 di atas.
 - c. Pembaharuan secara automatik selepas tempoh peletakan yang ditetapkan adalah tertakluk kepada kadar lazim.
10. Dengan menyertai kempen ini, para peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat. Segala keputusan Bank Muamalat adalah muktamad dan tiada rayuan dan/atau bantahan akan dilayan.
11. Segala bentuk penipuan dan penyalahgunaan bersangkutan dengan peletakan di dalam FTA-i akan menyebabkan pembatalan kempen dan tindakan yang berkenaan akan diambil oleh pihak Bank terhadap akaun peletakan Pelanggan.
12. Bank Muamalat tidak menjanjikan kelancaran perjalanan kempen ini dan/atau bebas dari kesilapan. Dengan menyertai kempen ini, peserta dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa Bank Muamalat tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap sebarang gangguan dan/atau kesilapan yang terhasil dari kempen ini.
13. Bank Muamalat berhak untuk membatalkan, mengakhirkan atau menggantung kempen ini dengan notis yang mencukupi. Para peserta tidak berhak untuk sebarang tuntutan atau pampasan ke atas Bank Muamalat terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung disebabkan dari pembatalan, pengakhiran atau penggantungan kempen sama ada secara langsung atau tidak langsung.
14. Bank Muamalat tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kelalaian berkenaan dengan kempen ini disebabkan dari bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat-masuk, tindakan industri, kebakaran, banjir, ribut, kegagalan teknikal atau sistem dan/atau acara di luar kawalan munasabah Bank Muamalat.

15. Bank Muamalat tidak akan dipertanggungjawabkan untuk:
 - a. Telefon, elektronik, program perkakasan atau perisian, rangkaian, internet, pelayan atau kerosakan komputer, kegagalan, gangguan, salah faham atau sebarang kesulitan, sama ada secara kemanusiaan, mekanikal atau elektrik, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pengambilan maklumat kemasukan secara talian yang tidak betul atau tidak tepat;
 - b. Kelewatan, kehilangan, salah arah, tidak lengkap, e-mel yang tidak boleh dibaca atau difahami;
 - c. Kegagalan, tidak lengkap, kehilangan, mengelirukan, campur aduk, terganggu, tidak terdapat atau kelewatan transmisi komputer;
 - d. Sebarang keadaan yang disebabkan oleh acara-acara di luar kawalan Bank Muamalat yang mungkin menyebabkan kempen tergendala atau rosak;
 - e. Sebarang kecederaan, kehilangan, atau kerosakan dalam sebarang bentuk disebabkan oleh atau bersangkutan dengan penyertaan di dalam kempen;
 - f. Sebarang percetakan atau kesilapan ejaan di dalam sebarang bahan yang bersangkutan dengan kempen; dan
 - g. Sebarang tuntutan oleh pihak ketiga ke atas pelanggaran hak harta intelek.
16. Bank Muamalat berhak untuk mengubah sepertimana yang dirasakan sesuai mana-mana bahagian daripada Terma dan Syarat ini beserta notis. Terma dan Syarat ini mungkin akan diubah atau ditukar oleh Bank Muamalat secara dipamerkan di dalam laman web Bank Muamalat atau apa-apa cara yang dirasakan sesuai oleh Bank Muamalat. Peserta-peserta yang telah menyertai kempen ini adalah dikira telah mengakses laman web Bank Muamalat dan telah diberitahu mengenainya dan bersetuju kepada sebarang pertukaran atau variasi kepada Terma dan Syarat. Peserta bersetuju bahawa penyertaan berlanjutan mereka di dalam Kempen ini akan dikira sebagai penerimaan Terma dan Syarat (sepertimana yang divariasikan atau ditukarkan).
17. Terma dan Syarat ini adalah ditadbirkan oleh dan ditafsirkan dibawah undang-undang Malaysia.
18. Terma dan Syarat ini termasuklah hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberi kepada mana-mana pihak dibawah dokumen ini adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip Shariah.

Sekiranya terdapat konflik dan ketidaksamaan pada Terma dan Syarat di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, maka versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.